

CNS0830

U PB 08-11 00170 PW218

b a h d e m

Mahathir - Ekonomi

TIADA JALAN MUDAH ATASI MASALAH EKONOMI BUMIPUTERA, KATA PM

KUALA LUMPUR, 8 Nov (Bernama) -- Presiden UMNO Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menegaskan Bumiputera perlu sanggup melalui jalan yang sukar dan mengambil masa untuk berjaya dalam bidang ekonomi.

Katanya, tidak ada jalan mudah ke arah itu melainkan mereka sendiri berusaha dengan menukar budaya kerja dan menerap nilai-nilai baik seperti diamalkan oleh bangsa-bangsa lain yang sudahpun mencapai kejayaan.

Ketika menggulung perbahasan pada hari terakhir Perhimpunan Agung UMNO 1992 di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini hari ini, beliau bagaimanapun berkata walaupun sukar ia boleh dilakukan seperti yang dibuktikan oleh orang Jepun, Korea, dan Cina.

Kerajaan sudahpun selama lebih 35 tahun melaksanakan pelbagai cara untuk menyelesaikan masalah ekonomi Bumiputera tetapi yang jelas tidak semua masalah dapat diatasi, katanya.

Bantuan-bantuan kerajaan yang telah diberikan termasuk pemberian permit import, (AP), penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia, biasiswa dan kuota kemasukan Bumiputera ke universiti-universiti tempatan. -- Lagi

▼08/11/19-02MST

CNS0835

U PB 08-11 00131 PW219

bah dem

Mahathir - 'Ekonomi 2 Kuala Lumpur'

+Macam-macam cara sudah kita usahakan tetapi sampai sekarang kita masih menghadapi masalah tidak dapat mengimhingi ekonomi antara Bumiputera dan bukan Bumiputera, + katanya.

Menurut beliau, syarikat pembuat kereta nasional, Proton, merupakan contoh terbaik suatu perkara yang sukar pada mulanya berjaya tetapi akhirnya dapat dilakukan oleh rakyat Malaysia.

Kejayaan Proton itu, kata Dr Mahathir, adalah kerana para pekerjanya bersedia menerap etika kerja orang Jepun.

Oleh itu, katanya, Bumiputera harus menukar pendekatan yang diamalkan sekarang kerana bantuan-bantuan kerajaan seperti pemberian AP tidak akan menyelesaikan masalah mereka.

Beliau juga menarik perhatian perwakilan kepada laporan Unit Perancang Ekonomi yang menunjukkan beberapa peruntukan ekuiti syarikat yang diberikan kepada Bumiputera telah berpindah tangan kepada bukan Bumiputera. -- Lagi

▼08/11/19-20MST

CNS0840

U PB 08-11 00126 PW222

bah dem

Mahathir - Ekonomi' 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Mengenai saranan beberapa orang perwakilan yang meminta kerajaan memberikan +segala-galanya+ kepada orang UMNO, Dr Mahathir berkata, orang UMNO harus sanggup berkongsi dengan kaum lain dan bukan anggota parti itu kerana kejayaan UMNO mendapat kuasa memerintah negara ini juga adalah hasil sokongan mereka.

Presiden UMNO turut membetulkan persepsi anggotanya berhubung sumbangan pegawai-pegawai kerajaan dalam pentadbiran negara dengan menjelaskan bahawa mereka telah melaksanakan dasar-dasar dan keputusan kerajaan dengan baik.

Mengenai mutu perbincangan tahun ini, Dr Mahathir memuji perwakilan yang menyampaikan hujah berilmiah berdasarkan kaedah selidik seperti yang ditunjukkan oleh Datuk Dr Afiffuddin Omar dari Kedah dan berharap lebih banyak lagi perbincangan senmpama itu pada masa akan datang. -- Bernama

▼08/11/19-50MST